



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 Mac 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Isi minyak dalam tong letak dalam but kereta boleh cetus kebakaran

Kuala Lumpur: Tindakan mengisi minyak ke dalam tong yang diletak dalam but kenderaan boleh mencetuskan kebakaran.

Dalam satu perkongsian di media sosial, Pengarah Urusan Shell Malaysia Trading dan Shell Timur Sdn Bhd, Shairan Huzani Husain, berkata apabila minyak diisi ke dalam tong, terutama yang tidak mendapat kelulusan, cas elektrostatik akan berkumpul dalam tong berkenaan.

Katanya, cas elektrostatik itu kemudian akan 'melompat' menjadi percikan yang menyebabkan kebakaran.

"Saya lihat ada kes di media

sosial yang mana pengguna di Malaysia mengisi minyak ke dalam tong, letak dalam but kereta," katanya melalui akaun pakcikshell di Instagram, semalam.

Beliau turut berkongsi video cara yang salah dan selamat untuk mengisi minyak ke dalam tong.

Katanya, cara yang selamat adalah menggunakan tong yang diluluskan dan diletak di lantai dengan menggunakan corong besi serta penyambungan wayar *bonding* kepada corong, sebelum mengisi minyak.

Sebelum ini, tular di media

sosial video seorang individu mengisi petrol RON95 memabitkan kuantiti banyak ke dalam tong plastik di but sebuah kenderaan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor dilaporkan sedang mengesan dan akan memanggil individu berkenaan, yang dipercayai berlaku di sebuah stesen minyak di Skudai.

Di **Kota Bharu**, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merekodkan kerugian akibat kebakaran melebihi RM250 juta di seluruh negara sejak Januari tahun ini.

Bekalan bahan api di stesen minyak seluruh negara mencukupi

Situasi operasi terkawal redakan kebimbangan orang ramai

Oleh Alzahrin Alias
dan Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekalan bahan api di stesen minyak seluruh negara kekal stabil dan mencukupi, sekali gus menenangkan kebimbangan orang ramai berhubung kemungkinan berlakunya kekangan susulan ketidakpastian pasaran global ketika ini.

Di beberapa negara lain, stesen minyak dilaporkan berdepan gangguan bekalan sehingga mencetuskan barisan panjang dan pembelian panik dalam kalangan pengguna.

Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM) berkata, situasi operasi di stesen minyak di seluruh negara dilaporkan stabil dan terkawal tanpa

gangguan terhadap penghantaran bekalan.

PDAM memaklumkan, bekalan petroleum domestik ketika ini mencukupi meskipun pasaran global berdepan cabaran.

Katanya, rantaian bekalan minyak di Malaysia kekal kukuh hasil kerjasama erat antara kerajaan dan syarikat minyak.

"Penghantaran bekalan berjalan lancar mengikut jadual tanpa sebarang gangguan teknikal.

"Walaupun pasaran global mencabar, Malaysia mempunyai rantaian bekalan yang matang.

"Melalui kerjasama erat antara kerajaan dan syarikat minyak, bekalan domestik berada dalam kedudukan selamat dan tidak berisiko mengalami kekangan seperti yang berlaku di beberapa negara luar buat masa ini," katanya kepada BH.

PDAM menjelaskan, pihaknya akan terus berperanan penting dalam memastikan tahap stok di stesen minyak sentiasa mencukupi dan terurus.

Katanya, antara langkah yang dilaksanakan ialah memastikan pengusaha mematuhi garis pan-

duan ketat yang ditetapkan bagi mengelakkan ketirisan dan pembelian berlebihan.

"Pengusaha dinasihatkan tegas dalam had pembelian diesel dan memastikan penggunaan bekas simpanan yang selamat iaitu sehingga 20 liter sahaja.

"Penjualan RON95 turut diberi keutamaan kepada kenderaan berdaftar tempatan bagi memastikan rizab bekalan mencukupi untuk kegunaan rakyat," katanya.

PDAM juga mengingatkan semua pengusaha supaya sentiasa

peka terhadap tahap simpanan stok di premis masing-masing bagi memastikan akses yang adil kepada semua pengguna.

Langkah berterusan ini, katanya, penting bagi mengekalkan kestabilan bekalan serta mengelakkan sebarang keresahan awam atau pembelian panik.

Di Bayan Lepas, pembelian bahan api melebihi 20 liter ke dalam tong perlu mendapat permit khas barang kawalan berjadual daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

KPDN jalankan pemantauan

Pengarah KPDN Pulau Pinang, S Jegan, berkata permit khas itu lazimnya diberi bagi kegunaan tertentu seperti pengoperasian jentera pertanian dan perikanan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

"KPDN sentiasa menjalankan pemantauan berterusan di stesen minyak. Penjualan bahan api ke dalam bekas selain tangki asal kenderaan melebihi 20 liter tanpa permit sah adalah satu kesalahan dan akan dikenakan tindakan tegas mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ia susulan tular gambar dan beberapa rakaman video daripada kamera papan pemuka pemandu kenderaan yang memaparkan seorang individu mengisi minyak ke dalam tong di sebuah stesen minyak di sini.

Jegan mengesahkan individu yang mengisi minyak ke dalam tong di sebuah stesen minyak menerusi video tular itu mempunyai permit sah bagi pembelian bahan api mengikut peruntukan undang-undang.

Harga petrol bersubsidi RON95 kekal RM1.99 seliter

Kuala Lumpur: Harga petrol bersubsidi RON95 (BUDI95) dikekalkan pada kadar RM1.99 seliter, meskipun harga runcit bahan api yang diselarasakan mengikut Mekanisme Harga Automatik (APM) melonjak bagi tempoh mulai hari ini hingga 1 April 2026.

Diesel bersubsidi di Sabah, Sarawak dan Labuan juga dikekalkan pada kadar RM2.15 seliter, walaupun harga pasaran semasa bahan itu di Semenanjung kini melonjak kepada RM5.52 seliter bagi tempoh sama.

Tiada keperluan catu bahan api, elak pembelian panik

PETALING JAYA: Bekalan bahan api dalam negara mencukupi untuk kegunaan domestik, selain kedudukan stok juga stabil dan terkawal.

Setiausaha Agung Pengusaha Stesen Minyak Malaysia (PDAM), Bashir Abdul Razak berkata, orang ramai tidak seharusnya melakukan pembelian panik yang boleh mengganggu aliran pasaran.

Katanya, ekosistem pembekalan bahan api di seluruh negara masih beroperasi pada tahap optimum tanpa sebarang gangguan signifikan.

Menurutnya, operasi di semua stesen minyak berjalan seperti biasa dengan proses penerimaan bekalan daripada syarikat minyak mengikut jadual yang telah ditetapkan.

"Pihak stesen masih menerima penghantaran bekalan daripada syarikat minyak mengikut jadual yang ditetapkan tanpa sebarang gangguan signifikan dan stok sedia ada adalah men-

cukupi untuk menampung permintaan semasa pengguna.

"Pihak pengusaha stesen masih menerima penghantaran stok secara konsisten, sekali gus membuktikan bahawa simpanan sedia ada adalah mencukupi untuk menampung permintaan semasa pengguna tanpa perlu ada rasa sangsi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bashir berkata, Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan krisis yang sangat kukuh dan sistematik, maka langkah catuan seperti yang berlaku di beberapa negara jiran tidak sepatutnya mencetuskan kegelisahan dalam kalangan masyarakat.

"Setakat ini, kedudukan bekalan bahan api negara kekal stabil dan terkawal, malah Malaysia mempunyai mekanisme pengurusan krisis yang kukuh jadi langkah catuan bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan buat masa ini," katanya.

Katanya, PDAM sentiasa memantau situasi semasa bersa-



SEORANG pekerja stesen minyak di Kuala Lumpur membantu pelanggan mengisi petrol RON95 ke dalam tangki kereta. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

ma Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mendepani sebarang kemungkinan akibat ketidakten-

tuhan geopolitik global.

"Sebarang keputusan mengenai langkah luar jangka adalah tertakluk sepenuhnya ke-

pada dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan demi menjamin kepentingan serta keselamatan tenaga negara dalam jangka masa panjang," katanya.

PDAM menyeru semua ahlinya untuk sentiasa mematuhi garis panduan jualan sedia ada bagi memastikan kelancaran operasi di premis perniagaan masing-masing.

Bashir berkata, para pengguna juga perlu menggunakan kuota subsidi dengan penuh cermat dan bertanggungjawab bagi memastikan manfaat tersebut sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Para pengguna turut diingatkan untuk menggunakan kuota subsidi yang diberi dengan cermat dan tidak menyalahgunakan atau melanggar garis panduan pembelian yang telah ditetapkan bagi memastikan keseluruhan ekosistem bekalan bahan api negara kekal lancar," katanya.

MANDATORY

SPECIAL PERMIT TO BUY OVER 20 LITRES OF FUEL

Move to prevent misuse
of subsidised fuel, says
minister

ZAF SERAJ
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A SPECIAL permit is mandatory for any individual or organisation intending to buy petrol or diesel exceeding 20 litres using containers or barrels, said Domestic Trade and Cost of Living Ministry director-general of enforcement Datuk Azman Adam.

Fuel purchases in containers without a permit are limited to emergencies and must not exceed 20 litres.

"To prevent the misappropriation of controlled and subsidised goods such as petrol and diesel, any company, organisation, or individual intending to purchase petrol or diesel from petrol stations for purposes other than the vehicle's orig-

inal tank, or for private use, must apply for and obtain approval for a Special Permit under the Control of Supplies Act 1961.

"Purchases made under this special permit are applicable for quantities of 20 litres and above and are based on the current pump prices at the petrol station.

"No one except special permit holders are allowed to purchase fuel in barrels at petrol stations except for emergencies, and the allowed quantity is below 20 litres," Azman said in a statement.

Those eligible for the special permit include forklift operators as well as those in the water transport, water recreation, food, agriculture and farming, emergency services, maintenance, tourism and small scale construction industries. Those in rural areas or islands are also eligible.

Permit holders may use drum barrels, plastic or any container deemed safe and appropriate according to quantity, address of petrol station, duration and frequency of purchase approved by the ministry.

A special permit application can be made without a fee online via <https://spb.kpdn.gov.my>.

'Food supply stable, no need for panic buying'

► Deputy minister assures adequate supply as experts warn stockpiling could disrupt market and drive up prices

■ BY IKHWAN ZULKAFLEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Datuk Fuziah Salleh has assured that the country's food supply remains sufficient amid growing public concern over global uncertainties.

She said there is no cause for alarm at this stage, stressing that essential goods are adequately available in the market.

"God willing, supply is sufficient," she said in a WhatsApp reply to *theSun*. Fuziah urged the public to refrain

from panic buying, warning that such behaviour could disrupt supply chains and trigger unnecessary price increases.

"It is best to avoid panic buying as it will disrupt supply and prices," she said, calling on consumers to remain calm and purchase only what is necessary.

Meanwhile, her statement was supported by Federation of Malaysian Consumers Associations chief executive officer Dr T. Saravanan, who warned consumers not to undermine this stability through panic-driven buying and stockpiling.

He said while concerns over a potential conflict involving Iran and the US have sparked anxiety online, the country's current food ecosystem is functioning well and should not be disrupted by irrational consumer behaviour.

"At this point in time, our food supply is still very stable. I would say we are secure at least until May under the current conditions," he said when contacted.

However, Saravanan cautioned that Malaysia's heavy reliance on imported food means prolonged geopolitical tensions could eventually strain supply chains.

"We are a country that is heavily dependent on imports. Our food import bill has consistently ranged between RM70 billion and RM80 billion annually. That means we are spending tens of billions of ringgit every year to secure food from external

sources," he added.

He explained that conflicts affecting global energy markets, particularly petrol and gas, could have cascading effects on food logistics.

"When war disrupts fuel supply, it affects transport and shipping costs globally. Over time, this will impact the movement of food into Malaysia. So while we are stable now, there are concerns moving forward if the situation persists."

Saravanan said any disruption would likely manifest first through rising costs rather than immediate shortages.

"It is not that food will suddenly disappear from the market, but supply could tighten due to logistical constraints. This may lead to higher prices rather than a complete lack of availability."

He added that government measures such as maintaining the RON95 petrol price help cushion the impact, but much depends on how long global tensions continue.

Addressing fear-based messaging on social media platforms that urge Malaysians to stockpile food, Saravanan issued a firm warning against such actions, stressing they could do more harm than good.

"The supply is there. But when people rush to buy in bulk unnecessarily, it distorts the market. It creates pressure on the supply chain and can lead to temporary shortages that are not reflective of actual production levels."

Saravanan pointed out that such behaviour disproportionately affects lower-income groups, particularly the B40 segment.

"If those in the T20 or M40 categories stockpile excessively, they are effectively taking away access from the B40 group. This creates inequality in access to essential goods and puts vulnerable communities at risk."

He stressed that consumer discipline is critical to ensure supply remains accessible.

Currently, he said Malaysia is in a relatively strong position, with sufficient supply of key food items.

"We are not facing shortages of chicken, eggs or vegetables. Supply is adequate and there are monitoring mechanisms in place to ensure continuity," he said.

Saravanan added that authorities are actively tracking supply levels and can intervene when necessary.

"The Domestic Trade and Cost of Living Ministry has systems to monitor availability.

"If there are gaps, the government can step in through imports and other balancing measures."



Saravanan cautioned that Malaysia's heavy reliance on imported food means prolonged geopolitical tensions could eventually strain supply chains. —AMIRUL SYAFIQ/THESUN

Petrol dealers: No signs of panic buying or hoarding

By **TARRENCE TAN**
and **GERARD GIMINO**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: There is no unusual hoarding or panic buying of fuel at petrol stations nationwide, says the Petrol Dealers Association of Malaysia (PDAM).

While there has been a shift in demand recently, it said the rising demand is entirely seasonal and driven by the Hari Raya Aidilfitri festive period.

"We have not observed any widespread stockpiling or unusual hoarding behaviour.

"While there is a shift in demand, it is primarily driven by the Hari Raya festive season,

where we naturally see lower volume in urban centres and a significant increase at rural and highway stations," PDAM said in an interview yesterday.

The association also assured the public that consumers are following their usual refuelling habits and that there is no "rushed" atmosphere at the forecourts.

On measures to prevent bulk buying or hoarding, PDAM said its dealers strictly adhere to long-standing guidelines set by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) to prevent leakage and ensure fair distribution.

Key measures include limiting diesel transactions to 250 litres

per vehicle per day and ensuring that fuel is pumped directly into a vehicle's tank.

"Container filling is strictly regulated. It is only allowed for genuine emergencies, is limited to 20 litres, and must be in certified safe containers," it said.

PDAM assured consumers that the national supply chain remains stable and fully operational.

"While global geopolitical conflicts are always a concern for the energy sector, we have full confidence in the government's existing mechanisms to secure energy continuity.

"We remain in close communication with both the oil companies and the government to ensure that any potential disruptions

are mitigated long before they reach the consumer level," it added.

Meanwhile, KPDN said only those holding special permits are allowed to purchase petrol or diesel in containers at petrol stations.

Ministry director-general (enforcement) Datuk Azman Adam said the regulation is spelt out under provisions to the Control of Supplies Act 1961.

The provision outlines that all petrol station operators are only allowed to sell diesel and all petrol grades for the purpose of refuelling the original fuel tank of the vehicle concerned or tanks approved by the relevant authorities.

It can also be sold to any party

that has obtained a special permit from the ministry.

Azman said applications for the permit can only be done through a dedicated online system at <https://spb.kpdn.gov.my>

The public can report any suspicious activity related to fuel subsidies to the Budi Madani service centre by calling 1300-88-9595, sending a WhatsApp message to +603-26314595, or emailing budimadani@treasury.gov.my.

Earlier this week, a video depicting a woman filling up RON95 petrol into a container had gone viral, and shortly after, the Finance Ministry barred the woman from enjoying the Budi95 subsidy.



油站装油入桶引热议 内贸部：须持特别准证

（本报 25 日讯）国内贸易及生活成本部声明，目前共有 10 类符合资格的申请者，可以在油站使用油桶添油。

他们是叉车（起重機）使用者、水上运输业者、内陆及岛屿居民、食品工业业者、水上休闲活动、农业及畜牧业、紧急援助、维修用途、旅游业及小型建筑业。

“他们可依据批准条件，使用油桶、塑料容器或其他安全合适的容器装载燃料。”

内贸部执法总监拿督阿兹曼阿当今天针对在油站将汽油装入非车辆油箱容器一事，发表文告作出上述说明。

他表示，内贸部确实已注意到近期在主流媒体及社交媒体上流传，有关民众在油站将汽油装入桶内的事件。

他说，根据《1961 年供应管制法令》，所有经营汽油及柴油的油站，只允许将燃料出售给车辆原装油箱或经相

关机构批准的油箱；以及持有该部发出的特别准证（Permit Khas）者。

他强调，这是防止汽油及柴油等受管制与补贴物资被滥用，任何公司、组织或个人若需购买燃料用于车辆油箱以外的用途，必须申请并获得特别准证。

有关准证适用于 20 公升或以上的购买量，并按照油站当时的市场价格计算。

民众可通过线上系统（<https://spb.kpdn.gov.my>）申请特别准证，该准证免费开放申请。

阿兹曼指出，除持有特别准证者外，任何人不得在油站以容器装油，除非是紧急情况，且数量不得超过 20 公升。

“公众可通过 WhatsApp、官网、热线或手机应用程序向该部投诉或提供情报。”（070）

Pickup truck driver caught in the act of misappropriating diesel at Miri petrol station

MIRI: The driver of a pickup truck was caught red-handed misappropriating subsidised diesel at a petrol station here yesterday.

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Miri said enforcement officers conducting a raid at the station discovered a modified tank at the vehicle's bed to store the fuel.

"Following the inspection, a case was opened under Section 20(1) of the Supply Control Act 1961 read together with Section 21 of the same Act against the vehicle owner. The vehicle was seized to facilitate further investigation," it said in a statement.

KPDN Miri said the case will be investigated under the Control of Supplies Act 1961, which provides for a fine or imprisonment upon conviction.

"For individual offenders, the penalty includes a fine not exceeding RM1 million or imprisonment for up to three years, or both. For second and subsequent offences, the fine may be increased to up to RM3



A KPDN officer takes a look at the modified tank concealed under the tarp. — KPDN Miri photo

million or imprisonment for up to five years, or both."

It added that companies may be fined up to RM2 million, while repeat offences carry a fine of up

to RM5 million.

KPDN Miri assured that it will continue to conduct regular monitoring at petrol stations, and warned that the sale of fuel into

containers other than a vehicle's original fuel tank exceeding 20 litres without a valid permit is an offence under the Control of Supplies Act 1961.

KPDN Miri raids petrol station over suspected diesel misappropriation

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) raided a petrol station here on suspicion of being involved in the misappropriation of diesel.

In a statement, KPDN Miri said the operation was carried out after a Facebook post went viral, showing a vehicle allegedly filling fuel into containers placed outside the vehicle, in excess of the limit permitted by the Controller of Supplies.

"A preliminary check was conducted, including a review of closed-circuit television (CCTV) footage, transaction records, and purchase receipts, for further verification.

"Following that, an order to produce documents and information relating to controlled goods under Section 8 of the Control of Supplies Act 1961 has been issued for reference and further action," it said.

KPDN Miri said it welcomed public complaints, adding that



Handout photo shows KPDN Miri officers checking the petrol station's transaction records and other documents for suspected diesel misappropriation.

various channels have been made available to facilitate the public in submitting complaints

and information.

Complaints can be channelled via WhatsApp (019-8488000),

eaduan.kpdn.gov.my, 1-800-886-800, or through the Ez ADU KPDN mobile application.

4WD disyaki selewang diesel diserbu KPDN Miri

MIRI: Sebuah kenderaan persendirian yang disyaki digunakan untuk menyeleweng minyak diesel diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Miri, pagi semalam.

Ketua Cawangan KPDN Miri Englebert Inggath Desmond Japar berkata, hasil pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan pacuan empat roda (4WD) itu berjaya menemui sebuah tangki yang dipercayai telah diubah suai bagi tujuan pengisian bahan bakar tersebut.

Menurut beliau, dalam serbuan jam 11.30 pagi itu, sepasukan pegawai dari Bahagian Penguat Kuasa KPDN Miri telah memeriksa sebuah kenderaan 4WD persendirian yang mencurigakan sedang mengisi barang kawalan tersebut di sebuah stesen minyak di Jalan Miri-Bypass di sini.

“Hasil pemeriksaan lanjut kemudian menemui sebuah tangki yang dipercayai telah diubah

suai bagi tujuan pengisian minyak diesel disyaki untuk aktiviti penyeleweng barang kawalan.

“Susulan itu, satu kertas siasatan dibuka di bawah Seksyen 20(1) Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 dan dibaca bersama Seksyen 21 akta sama terhadap pemilik kenderaan terbabit,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Englebert, pemandu berusia 23 tahun itu telah diambil keterangan dan kenderaan 4WD berserta muatan diesel dianggarkan berjumlah 350 liter disita untuk siasatan lanjut.

Sehubungan itu katanya, kes berkenaan disiasat di bawah AKB 1961 dan jika disabitkan kesalahan, individu boleh dikenakan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua dan seterusnya, denda boleh meningkat sehingga RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun

atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat, denda tidak melebihi RM2 juta dan sehingga RM5 juta bagi kesalahan berulang.

Justeru, beliau menegaskan KPDN Miri akan terus mempergiat pemantauan di stesen minyak bagi mengekang sebarang aktiviti penyeleweng barang kawalan, khususnya minyak diesel.

Tegasnya, penjualan bahan api ke dalam bekas selain tangki asal kenderaan melebihi 20 liter tanpa permit sah merupakan satu kesalahan dan akan dikenakan tindakan tegas di bawah AKB 1961.

Englebert berkata orang ramai turut digalakkan menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan salah laku melalui saluran yang disediakan, termasuk WhatsApp di talian 019-8488000, portal e-Aduan KPDN di [e-aduan@kpdn.gov.my](mailto:aduan@kpdn.gov.my), talian pusat panggilan 1-800-886-800 serta aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

Tular dakwaan seleweng diesel, stesen minyak diarah kemuka dokumen dan maklumat: KPDN

MIRI: Sebuah stesen minyak di sini diarah mengemukakan dokumen dan maklumat berkaitan barang kawalan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) susulan siasatan terhadap dakwaan penyelewengan minyak diesel.

Ketua Cawangan KPDN Miri Englebert Inggath Desmond Japar berkata, tindakan itu diambil selepas Bahagian Penguat Kuasa KPDN Cawangan Miri menjalankan serbuan ke atas premis tersebut berikutan satu hantaran tular di media sosial.

Menurutnya, hantaran itu memaparkan sebuah kenderaan disyaki mengisi minyak diesel ke dalam tong di luar kenderaan, dipercayai melebihi had yang dibenarkan oleh Pengawal Bekalan Malaysia.

"Pemeriksaan awal telah dilakukan termasuk meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) selain menyemak rekod transaksi dan resit pembelian bagi tujuan pengesahan lanjut.

"Satu arahan untuk mengemukakan dokumen atau maklumat berhubung barang kawalan di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 telah dikeluarkan terhadap premis berkenaan



PERIKSA: Sepasukan pegawai penguat kuasa KPDN Miri menyebu sebuah stesen minyak di Miri susulan satu hantaran tular di media sosial yang memaparkan sebuah kenderaan disyaki menyeleweng minyak diesel.

untuk rujukan serta tindakan selanjutnya," katanya.

Menurut Englebert, meskipun tiada tempoh masa khusus ditetapkan untuk pengemukakan dokumen, namun kebiasaannya premis diberikan tempoh sekitar tiga hari bekerja untuk berbuat demikian.

"Kegagalan mengemukakan dokumen seperti diarahkan boleh menyebabkan tindakan diambil di bawah Seksyen 8(4) Akta Kawalan Bekalan 1961, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara sehingga tiga tahun

atau kedua-duanya sekali," ujar beliau lanjut.

Sehubungan itu katanya, KPDN Cawangan Miri mengalu-alukan kerjasama orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat atau aduan berkaitan salah laku melibatkan barang kawalan.

Orang ramai boleh menyalurkan aduan melalui WhatsApp di talian 019-8488000, portal e-Aduan KPDN (e-aduan@kpdn.gov.my), talian pusat panggilan 1-800-886-800 atau aplikasi telefon pintar Ez ADU KPDN.

KPDN launches investigation on diesel misuse

BY GRETTA BALA

MIRI: Authorities are investigating suspected diesel diversion after a viral video prompted a raid on a petrol station in Miri, raising fresh concerns over the misuse of subsidised fuel and possible syndicate involvement.

Enforcement officers from the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) moved in on the station following the circulation of footage on Facebook showing a vehicle transferring diesel into containers placed outside the vehicle — an act tightly regulated under Malaysia's supply control regime.

Officials suspect the quantity involved exceeded permitted limits set by the Supply Controller, a potential breach that points to unauthorised stockpiling or diversion into illicit distribution channels.

The case has since been escalated for detailed investigation, with officers scrutinising closed-circuit television recordings, transaction data and purchase receipts to reconstruct the incident and establish accountability. Investigators are also examining whether station operators complied with mandatory reporting and control procedures governing the sale of subsidised fuel.



KPDN enforcement officers inspect documents at a petrol station in Miri as part of an investigation into suspected diesel diversion following a viral social media report.

As part of the probe, authorities have issued a formal notice under Section 8 of the Control of Supplies Act 1961, compelling the submission of documents and operational records related to controlled goods. Non-compliance carries legal consequences, including prosecution.

While no arrests have been confirmed, enforcement sources indicate the investigation is being

treated as a priority, particularly amid ongoing concerns over subsidy leakage and the role of intermediaries in diverting controlled fuel supplies.

Authorities have increasingly turned to digital intelligence and public tip-offs to detect irregularities, with the rapid spread of the video accelerating enforcement response in this case.

KPDN Miri has urged members

of the public and industry players to report suspicious activities involving controlled goods through official channels, including its WhatsApp hotline, online complaints portal, call centre and mobile application.

Investigators are now working to determine whether the case represents a one-off breach or part of a wider network exploiting subsidised diesel.

內貿部：車原裝油箱外購燃油 須申請特別准證

（布城25日讯）国内贸易及生活费部执法总监拿督阿兹曼指出，任何公司、组织或个人，若欲在加油站购买汽油或柴油，用于车辆原装油箱以外或个人用途，必须根据1961年供应管制法令申请并获得特别准证。

他今日发文告说，此举是为了防止管制品及补贴物品，如汽油机柴油被不负责任者滥用。

他说，该部意识近期在主流媒体及社交媒体上流传，有关使用容器盛装汽油的事件。

他指出，在1961年供应管制法令下，所有售卖汽油及柴油的加油站，可将柴油及各级汽油出售予车辆的原装油箱或经相关机构批准的油箱，以及已根据1961年供应管制法令，从内贸部获得特别准证的任何一方。

他指出，使用特别准证进行的购买，仅适用于20公升或以上，并按照油站当时的油价计算。

“特别准证可通过供应准证系统网站<https://spb.kpdn.gov>。

my 线上申请，可免费申请该准证，并开放给所有符合资格者。”

10类别符合申请资格

阿兹曼指出，迄今共有10个类别符合申请特别准证的资格，包括叉车、水上运输、内陆地区和岛屿居民、食品工业、水上娱乐、农业和畜牧业、紧急援助、维护、旅游及小规模建筑。

他说，获准通过特别准证购买汽油及柴油者，可根据获批的数量、加油站地点、期限及购买频率，使用油桶、塑料容器或任何安全且合适的容器装载。

“唯有持特别准证，否则任何人一律不得在加油站以容器购买燃油，惟紧急情况除外，且仅限于20公升以下。”

若有任何投诉或情报，民众可通过WhatsApp（019-848 8000）、内贸部电子投诉平台e-Aduan（<https://eaduan.kpdn.gov.my>）、热线1-800-886-800，或手机应用程序Ez ADU KPDN提交投诉。

內貿部：非汽車油箱以外容器 添油裝桶需特別准證

（布城25日讯）国内贸易及生活费部今日重申，任何公司、机构或个人，如需购买燃油作非车辆油箱用途或个人用途，均必须依据1961年供应管制法令取得特别准证。

内贸部发表文告指出，根据法令，油站仅被允许向车辆原厂油箱或经相关机构批准的油箱出售汽油及柴油；若需将燃油注入非汽车油箱以外的容器，购买方必须事先向内贸部申请并获批特别准证。

